

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

2. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kebersihan infra sungai dan persisir pantai khususnya di KADUN Penaga?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Seberang Perai Utara melaksanakan secara berkala kerja-kerja pembersihan infra sungai-sungai di daerah Seberang Perai Utara termasuk KADUN Penaga setiap tahun melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Bagi kerja-kerja pembersihan seperti pemotongan rumput dan semak samun di tebing-tebing sungai, ianya dilakukan sekurang-kurangnya empat (4) atau lima (5) pusingan setahun mengikut bajet peruntukan tahun semasa.

Pihak JPS SPU juga melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan mencegah hakisan pantai bergantung kepada keperluan dari semasa ke semasa. Manakala kerja-kerja pembersihan pantai dilaksanakan oleh MBSP di kawasan tumpuan masyarakat bagi aktiviti riadah dengan kekerapan tiga (3) kali seminggu.